

# INFOKUS



DISEMBER 2018 | Bil. 65  
www.umt.edu.my



**Tan Sri Dato' Seri (Dr.)  
Halim Mohammad**  
Pengerusi LPU Baharu

**Konvokesyen UMT Ke-16**  
Julang Kejayaan Graduan

**Byuteifuru Torenganu**  
ビューティフル トレンガヌ  
Jengah Pasaran Jepun

ISSN 1675-2139



9 771675 213002

**TERKINI  
DI PASARAN**



**RM79.00**

# Beautiful TERENGGANU

ترنجانو الجميلة

超美登嘉楼

LE BEL ÉTAT DE TERENGGANU

ビューティフル トレンガヌ

WUNDERSCHÖNES TERENGGANU

Pengarang : Noraien Mansor

Tahun Terbit : 2018

Terbitan : Penerbit UMT

like and follow us on



penerbitumt

# Sidang Redaksi

## Penaung

YBhg. Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar

## Ketua Pengarang

YH Dato' Prof. Madya Dr. Noraien Mansor

## Editor

Mohd Afifullah Ahmad

## Pembaca Prof

Fatihayatul Sadi

Wan Nur Sarah Wan Mansor

## Pereka Grafik

Mohd Fadli Abdullah

## Jurufoto

Krew Media Kreatif



# Kandungan

- 6 Sekalung Tahniah
- 8 Konvokesyen UMT Ke-16 Julang Kejayaan Graduan
- 10 Majlis Santapan Malam Konvokesyen Ke-16 Gemilang Beautiful Terengganu
- 12 Byuteifuru Torenganu ビュティフル トレンガヌ Jengah Pasaran Jepun
- 14 Frankfurt Saksi Pelancaran *Wunderschönes Terengganu* dan Ulik Mayang Warisan Terengganu
- 16 Simposium IUCN dan Red List Assessment Pergiati Usaha Pemuliharaan
- 18 Jejak Gamelan di Bumi Solo
- 22 *InTernary* Percepat Kelayakan Profesional ACCA
- 24 UMT Peroleh Pengiktirafan ISO 9001:2015
- 25 UMT Raih Anugerah e-Pembelajaran Negara
- 26 *MyStatsDay 2018* Tingkat Kesedaran Kepentingan Data
- 28 Fiesta STEM dan Penganugerahan Watikah *Profesor@School Chapter UMT*
- 30 MoA Mantapkan Industri Akuakultur
- 31 RRC Sertai Malaysia Museology Workshop
- 32 Pemindahan Ilmu Bantu Jana Pendapatan Petani
- 34 Ekspedisi Merdeka RV Discovery Jelajah Selatan Laut China Selatan
- 35 Pelajar Asasi STEM Menonjol di Bangkok
- 36 Nilai Komersial Vanila Diteroka
- 37 Kelab IMaC Santuni Masyarakat Islam Kemboja
- 38 Warisan Kebudayaan Terengganu Tarikan Buat Mahasiswa Indonesia
- 40 *Summer Course* Peningkat Ilmu Pertanian dan Pemakanan
- 42 Jalinan Kasih Kayuhan Perpaduan Santuni Komuniti
- 44 Perancis Destinasi Program Mobiliti Akademik
- 46 SUKUM 2018 UMT Gergasi Berbisa
- 47 Renungan

# Secangkir Kata

## Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera

Tahun 2018 bakal menutup lembaran, memahat seribu satu kenangan untuk dijadikan renungan dan panduan di masa hadapan. Kemanisan pengalaman menjadi kenangan, kepahitan kenangan usah disimpan, keindahan pembaharuan jadikan pedoman, kesulitan pekerjaan teraju cabaran... yang pasti teruskan usaha, tiada putus asa, gapai jaya dan redha ketentuan-Nya.

Sepanjang tahun 2018 Universiti Malaysia Terengganu telah mencipta pelbagai sejarah di peringkat lokal dan global demi mengejar visi dan misi mensejahterakan warga setia. Semoga UMT terus teguh dalam radar kejayaan dan kecemerlangan yang utuh dan membanggakan. InsyaAllah.

*Pulau Redang pulau menawan  
Pulau percutian pulau pertemuan  
Setahun berlalu sarat kenangan  
Tahun baharu penuh debaran*



**DATO' PROFESOR MADYA DR. NORAIEN MANSOR**

# Sekapur Sirih

## Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Selamat Sejahtera

**A**lhamdulillah Majlis Konvokesyen UMT kali ke -16 pada tahun ini telah berlangsung dengan jayanya selama tiga hari iaitu enam sesi sidang majlis penganugerahan. Seramai 2,970 orang graduan menerima pelbagai anugerah iaitu 39 orang Ijazah Doktor Falsafah, 156 orang ijazah Sarjana, 2,647 orang Ijazah Sarjana Muda, dan 128 orang penerima Diploma. Konvokesyen pada kali ini juga menyaksikan graduan Sulung bagi program Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Sains Tanaman) dan Sarjana Kaunseling. Syabas dan tahniah diucapkan.

Konvokesyen kali ini juga turut meraikan seorang penerima anugerah Ijazah Kehormat Doktor Sains, seorang penerima Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan dan seorang penerima anugerah Profesor Emeritus sebagai menghargai jasa mereka di peringkat nasional, serantau dan global atas bidang kepakaran masing-masing.

Setinggi-tinggi tahniah untuk para graduan dan pensyarah yang telah mendidik mereka. Universiti Malaysia Terengganu meletakkan harapan yang tinggi kepada semua graduan sebagai pembawa panji-panji UMT yang kelak akan menentukan penerimaan dan persepsi masyarakat terhadap graduan lepasan UMT.



Gunakanlah ilmu pengetahuan yang diperoleh sebaik-baiknya secara positif demi pembangunan agama, bangsa dan negara. Sikap orang berilmu tersingkap pada kematangan akal fikiran dan bukan hanya pada kepetahan hujah di bibirnya. Teladan orang berilmu pada taat dan rasa hormat yang ada pada diri, bukan pada hanya pada penampilan luarannya sahaja. Jangan lupa pepatah Melayu bahawa resam orang berilmu adalah semakin berisi semakin tunduk, semakin tinggi ilmu semakin tinggi tawaduk sikapnya.

Sekian. Wabillahi Taufik Wal Hidayah  
Wassalamualaikum waramatullah wabarakatuh.

**PROFESOR DATO' DR. NOR AIENI HAJI MOKHTAR**

# *Sekalung Tahniyah*

**YBHG. TAN SRI DATO' SERI (DR.)  
HALIM BIN MOHAMMAD**

atas pelantikan sebagai

**PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI (LPU)  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**



# Konvokesyen UMT Ke-16

## Julang Kejayaan Graduan

oleh:  
Mohd Afifullah Ahmad  
Penerbit UMT



**D**etik paling ditunggu, Majlis Konvokesyen UMT kembali membuka tirai buat kali ke-16 dengan meraikan seramai 2970 orang graduan terdiri daripada 39 orang graduan Doktor Falsafah, 156 orang graduan Sarjana, 2647 orang graduan Sarjana Muda dan 128 orang graduan Diploma.

Pembukaan konvokesyen disempurnakan oleh Pro-Canselor UMT, Tan Sri Samsuddin Osman mewakili Canselor, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Nur Zahirah. Tan Sri Pro-canselor turut membacakan teks ucapan titah baginda yang menyeru UMT melaksanakan lebih banyak penyelidikan dalam bidang perikanan bagi membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat khususnya komuniti nelayan.

“Beta berharap pihak pengurusan universiti akan meneruskan usaha penyelidikan seperti

dalam konservasi makanan bagi membantu komuniti nelayan meningkatkan taraf hidup mereka. Selain itu, usaha-usaha juga perlu digiatkan untuk meningkatkan pendidikan dan kesedaran marin dalam kalangan nelayan supaya kepupusan marin tidak berlaku,”.

Selain menjulang kejayaan para graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian di UMT, majlis konvokesyen pada kali ini turut menyaksikan penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Sains kepada Tan Sri Datuk Dr. Ahmad Zaharuddin Idrus yang juga mantan Pengerusi Lembaga Pengarah UMT. Sementara itu, Pengasas Salihin & Associate iaitu firma audit bumiputera terbesar negara, Encik Salihin Abang dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan manakala Dr. Mohd Lokman Hussain dikurniakan gelaran Profesor Emeritus.





1



2



3

Anugerah Pelajaran Diraja dirangkul oleh graduan Ijazah Sarjana Muda Sains, Muhammad Asyraf Adhwa Masimen (kategori bumiputera) dan Foo Tzen Yoong, graduan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam) bagi kategori bukan bumiputera. Anugerah Pingat Emas Canselor menjadi milik graduan Ijazah Sarjana Muda Sains (Matematik Komputasi), Mohd Tirmizi Mohd Lutfi. Sementara itu, Anugerah Pro Canselor diraih oleh Mohd Azlan Musa (Doktor Falsafah Teknologi Maritim) dan Anugerah Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti diberi kepada Mohamad Badrul Mohd Khairul Sahimi (Sarjana Sains Akuakultur).

Dalam Majlis Konvokesyen UMT Ke-16 yang melibatkan keseluruhan 6 sesi ini, UMT turut menganugerahkan ijazah anumerta kepada Allahyarhamah Nurul Fazierah Mat Sidik, graduan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Maritim).

1. Para penerima anugerah yang mencapai kecemerlangan dalam pelbagai bidang. Dari Kanan: Mohamad Badrul Mohd Khairul Sahimi, Mohd Tirmizi Mohd Lutfi, Foo Tzen Yoong, Muhammad Asyraf Adhwa Masimen. Paling kiri: Mohd Azlan Musa.
2. Pro-Canselor menyampaikan ijazah anumerta kepada ibu bapa Allahyarhamah Nurul Fazierah Mat Sidik.
3. Pro-Canselor, Tan Sri Samsuddin Osman menyampaikan foto rasmi kepada penerima Anugerah Kehormat Doktor Pengurusan, En. Salihin Abang. Turut serta, paling kanan Penerima Anugerah Kehormat Doktor Sains, Tan Sri Datuk Dr. Ahmad Zaharuddin Idrus dan Pengerusi LPU UMT, Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Halim Mohammad (paling kiri).



## Majlis Santapan Malam Konvokesyen Ke-16

# Gemilang Beautiful Terengganu

oleh: Mohamad Nuraidil Zakaria  
Penerbit UMT

**B**eautiful Terengganu begitulah tajuk buku yang dikarang oleh Dato' Prof. Madya Dr. Noraien Mansor, awalnya buku ini diterbitkan secara dwibahasa iaitu dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Sambutan yang diterima sangat menggalakkan dan ia menjadi pendorong kepada pengarang untuk menterjemah karya ini ke beberapa bahasa utama dunia seperti Arab, Mandarin, Jerman, Perancis dan Jepun.

Sempena Majlis Santapan Malam Konvokesyen UMT Ke-16, lima versi terjemahan *Beautiful Terengganu* ini telah dilancarkan oleh Tuanku Canselor UMT, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Nur Zahirah. Majlis Santapan Malam tersebut telah berlangsung di TH Hotel & Convention Centre pada 10 November 2018.

Gimik pelancaran *Beautiful Terengganu* sangat menarik, hingga Tuanku Sultan dan



Sultanah menumpukan sepenuh perhatian terhadap persembahan gimik “Puteri Cendana”. Baginda berdua juga turut meluangkan masa untuk menyaksikan manuskrip al-Quran emas yang merupakan warisan kesultanan Terengganu tertua, bertarikh 27 Disember 1836 yang dihasilkan ketika zaman pemerintahan Sultan Mansor II.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh Menteri Besar Terengganu, Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, Haji Yahya Ali, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato’ A. Rahman Yahya, Pro-Canselor UMT, Tan Sri Samsudin Osman, Pengerusi Lembaga Pengarah UMT, Tan Sri Dato’ Seri (Dr.) Halim Mohamad dan Naib Canselor UMT, Profesor Dato’ Dr. Nor Aieni Mokhtar bersama pasangan masing-masing.

1. KDYMM Mulia Sultanah Nur Zahirah menandatangani plak simbolik pelancaran buku *Beautiful Terengganu* terjemahan lima bahasa.
2. KDYMM Tuanku Sultan dan Sultanah menyaksikan manuskrip al-Quran emas warisan kesultanan Terengganu.
3. Pengarang Buku *Beautiful Terengganu*, Dato’ Prof. Madya Dr. Noraien Mansor.
4. Gimik persembahan pelancaran buku berjaya menarik perhatian KDYMM Tuanku Sultan dan Sultanah.

# Byuteifuru Torenganu ビューティフル トレンガヌ Jengah Pasaran Jepun

oleh: Fatihayatul Sadi  
Wan Nur Sarah Wan Mansor  
Penerbit UMT

**B**uku Beautiful Terengganu terus mendunia dengan melangkah setapak lagi menembusi pasaran negara matahari terbit. Bertempat di Kinokuniya Shinjuku, Tokyo, buku Beautiful Terengganu edisi terjemahan bahasa Jepun telah dilancarkan oleh Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik pada 6 November 2018.

Usaha ini merupakan kerjasama antara Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) dan Japan Malaysia Association (JMA) dengan sokongan tiga universiti awam iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Selain Beautiful Terengganu, empat buah lagi buku terjemahan ke bahasa Jepun turut dilancarkan iaitu Hang Tuah: Catatan Okinawa,



Islamic Finance Fundamentals With Applications in Malaysia, The Basics of Islamic Finance with Applications in Malaysia dan Halal: All That You Need To Know.

Delegasi UMT diwakili oleh Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar dan Pengarah Penerbit UMT yang juga pengarang buku, Dato' Profesor Madya Dr. Noraien Mansor. Turut hadir dalam majlis tersebut, Presiden Kinokuniya Co. Ltd., Encik Masashi Takai dan Pengarah Eksekutif JMA, Encik Takakazu Ogawa.

Dr. Maszlee dalam ucapannya berkata Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan meneruskan usaha untuk memastikan gerakan penterjemahan bergiat lebih aktif termasuk terjemahan dari bahasa Melayu ke bahasa asing serta dari bahasa asing ke bahasa Melayu bagi meningkatkan ekonomi penterjemahan.



Delegasi Malaysia bersama-sama Menteri Pendidikan di Kinokuniya Shinjuku, Tokyo.

“Dalam masa yang sama, *transfer of knowledge* akan berlaku dalam penterjemahan. Ini penting supaya semua kajian kita dirujuk termasuk karya universiti tempatan. Malah KPM akan pastikan UA jadi penggerak utama program terjemahan ini bersama-sama ITBM. Selain itu, pelancaran hari ini juga membuka peluang kepada sektor halal Malaysia untuk berkembang termasuk program latihan untuk industri halal ini di Jepun dan negara lain selepas ini. Peluang ekonomi yang besar kepada kedua-dua negara”, ujar beliau lagi.

Turut berlangsung di dalam pelancaran buku itu ialah majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara pihak ITBM, JMA, dan Kinokuniya bagi pengedaran buku-buku terbitan ITBM dan JMA di kedai-kedai buku Kinokuniya terpilih di Jepun.



Menerusi kerjasama ini, pasaran buku-buku terbitan ITBM dan JMA dapat diperluaskan lagi di pasaran Jepun. Ini merupakan peluang untuk penerbitan Malaysia meneroka pasaran di peringkat antarabangsa selari dengan kempen yang diseru oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu Dekad Membaca Kebangsaan dan KLBACA! iaitu kempen Kuala Lumpur ke arah Kota Buku Dunia 2020.

# Frankfurt Saksi Pelancaran *Wunderschönes Terengganu* dan Ulik Mayang Warisan Terengganu


oleh: Mohd Afifullah Ahmad  
Penerbit UMT

Citra UMT semakin mengukuh di persada global dengan berlangsungnya pelancaran buku *Beautiful Terengganu* (Edisi Bahasa Jerman) dan buku *Ulik Mayang Warisan Terengganu* (Heritage of Terengganu) sempena Pesta Buku Frankfurt 2018 pada 11 Oktober 2018.

Penerbitan yang merupakan kolaborasi antara Penerbit UMT dan Kerajaan Negeri Terengganu ini dilancarkan oleh Konsul Jeneral Malaysia ke Frankfurt, En. Mukundan Madavan. Pesta Buku Frankfurt yang berlangsung bermula 10 hingga 14 Oktober 2018 merupakan pameran perdagangan buku dan majalah terbesar dunia.

Kedua-dua buah buku ini digarap dengan penuh kreatif oleh Dato' Profesor Madya Dr. Noraien Mansor yang juga merupakan Pengarah Penerbit UMT. Buku *Beautiful Terengganu* (Edisi Bahasa Melayu) sebelum ini telah berjaya meraih Anugerah Buku Umum Terbaik (Kategori Pelancongan) di Anugerah Buku Negara 2018.

Kandungan Buku *Beautiful Terengganu* (Edisi Bahasa Jerman) memaparkan pelbagai keunikan di Terengganu dengan mengkhususkan



daya tarikan di setiap daerah, pulau-pulau yang memukau, warisan masyarakat serta makanan tradisi.

Penterjemahan buku Beautiful Terengganu ke dalam bahasa Jerman juga dilihat sebagai satu inisiatif oleh Penerbit UMT merencanakan penerbitan buku dalam pelbagai bahasa di samping meneroka pasaran luar dari Malaysia. Secara tidak langsung dapat menarik pembaca baharu dari pelbagai latar belakang.

Buku Ulik Mayang Warisan Terengganu (Heritage of Terengganu) memfokuskan kepada tarian yang menjadi identiti negeri Terengganu sejak berzaman. Kombinasi lagunya yang turut dikenali sebagai "Song of the Seas" diiringi dengan gerak tari yang gemalai telah mewujudkan satu ritual perubahan.

Buku Ulik Mayang Warisan Terengganu (Heritage of Terengganu) diterbitkan dalam dwi bahasa (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris) dan mengupas sejarah dan lagenda Ulik Mayang di samping memperincikan konsep dan bentuk tarian tersebut. Selain lagu, peralatan dan pakaian yang digunakan untuk tarian ini juga dipaparkan di samping turut merungkai mitos dan kepercayaan bersangkutan dengan tarian Ulik Mayang ini.

Pelancaran buku Beautiful Terengganu (Edisi Bahasa Jerman) dan Ulik Mayang Warisan Terengganu (Heritage of Terengganu) di Pesta Buku Frankfurt begitu signifikan bagi menonjolkan status Malaysia khasnya Kuala Lumpur yang baru-baru ini telah dinamakan Ibu Kota Buku Dunia bagi tahun 2020 oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).



*Dato' Profesor Madya Dr. Noraien Mansor bersama pengunjung yang tertarik dengan buku-buku yang dilancarkan.*



*En. Mukundan Madavan menyampaikan ucapan sempena pelancaran buku UMT.*

# Simposium IUCN dan Red List Assessment Pergiat Usaha Pemuliharaan

oleh:

Dr. Chong Ju Lian, Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran  
Dr. Izwandy Idris, Pusat Rujukan dan Repositori Laut China Selatan,  
Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS)

**B**agi menimba pengetahuan khusus mengenai proses penilaian spesies terancam serta memahami situasi terkini spesies yang terancam di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, International Union for Conservation of Nature (IUCN) Symposium and Red List Assessment telah diadakan bertempat di Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS), UMT. Dianjurkan pada 24 hingga 28 September 2018, program ini merupakan hasil kolaborasi UMT bersama National Museum of Marine Biology and Aquarium (NMMBA) - Global Sciaenidae Conservation Network (GSCN), National Sun Yat-Sen University (NSYSU), Taiwan dan International Union for Conservation of Nature (IUCN) Species Survival Commission (SSC) Sciaenidae Red List Authority.







Perasmian simposium disempurnakan oleh Dr. Xavier Jayakumar, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli pada 24 September 2018. Antara perkara penting yang dilontarkan oleh Dr. Xavier dalam ucapan beliau adalah penglibatan masyarakat dalam tugas yang dijalankan oleh PERHILITAN, bagi memahami cabaran dan isu yang dihadapi dalam menjalankan penguatkuasaan bagi perlindungan hidupan liar di Malaysia.

Pada majlis pelancaran juga, syarahan plenari bertajuk 'Efforts to Protect Our Natural Heritage – Malaysia and the IUCN Red List' telah disampaikan oleh Dato' Abdul Kadir Abu Hashim, Ketua Pengarah PERHILITAN yang juga merupakan Profesor Adjung UMT.

Syarahan ucapatama turut disampaikan oleh Prof. Dr. Kent E. Carpenter (Old Dominion University, Amerika Syarikat) yang merupakan Penyelaras bagi IUCN Global Marine Species Assessment dan Prof. Emeritus Dr. Ning Labbish Chao, pengerusi bersama IUCN SSC Sciaenidae Red List Authority.



1. Yang Berhormat Dr. Xavier Jayakumar, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli merasmikan IUCN Symposium and Red List 2018.
2. Dr. Xavier Jayakumar merasmikan dan melawat Pameran Spesies Senarai Merah (IUCN).
3. Antara pameran yang mendapat perhatian pengunjung adalah spesimen kaki gajah yang telah diawet.

Dr. Xavier Jayakumar juga turut melawat dan merasmikan Pameran Spesies Senarai Merah (IUCN) di Malaysia di Galeri Penyelidikan INOS, UMT. Pameran ini mempamerkan maklumat mengenai spesies Senarai Merah yang terdapat di Malaysia. Beberapa spesimen organisma Senarai Merah yang terdapat di Malaysia turut dipamerkan dengan kerjasama dari Institut Sumber Marin Asia Tenggara dan PERHILITAN.

# Jejak Gamelan di Bumi Solo

oleh: Muhammad Shahrul Azmi Hasan  
Mohd Norhasim Zulkfay  
Pusat Kebudayaan dan Kesenian  
Foto: Mokhtar Ishak

**D**i sebalik kemegahan rupa bentuk peralatan dan kemerduan alunan muzik Gamelan, tersembunyi jerit perih serta keringat warga desa Kota Surakarta yang hidup mereka hanya tahu memercikkan api, membakar timah dan tembaga.

Perasaan ini kami selami menerusi kembara ke Kota Surakarta atau Solo bagi menyaksikan sendiri proses serta kaedah pembuatan alat muzik Gamelan khususnya daripada bahan 'perunggu' ini. Di Solo, kami merantau ke bahagian timur Bengawan Solo dan seterusnya dibawa ke bengkel atau 'kerajinan' milik Agus Purnomo. Di daerah inilah dikatakan bermulanya pembuatan alat muzik Gamelan. Di perkampungan tradisional ini terdapat ramai tukang-tukang yang mahir serta pakar dalam penghasilan seni halus ini yang telah berkembang biak dari generasi ke generasi sehingga kini.

Kami merasa amat bersyukur serta sangat teruja apabila Pak Agus Purnomo serta para karyawan (pekerja) beliau bersetuju untuk membenarkan kami melihat serta membuat rakaman berkaitan proses pembuatan alat muzik Gamelan daripada mula hingga akhir. Kami dapati proses pembuatannya amatlah rumit dan tiada sebarang bantuan daripada peralatan moden pun untuk menyiapkan satu-satu unit



Penulis bersama penggiat seni Gamelan dari Terengganu dan Kelantan.

*Pandangan Gunung Lawu, dari perkampungan Kaplingan Jatitekan, Timur Bengawan Solo; pusat pembuatan gamelan tersohor di Solo.*



*Gamelan yang digilap selepas proses pembakaran.*



*Gamelan terbentuk secara ketukan, hanya pakar-pakar sahaja mampu melakukannya.*



*Gamelan berbagai saiz yang telah siap digilap dan dibersihkan.*





*Proses pembakaran ketulan tembaga dan membentuk gamelan dilakukan secara manual.*

peralatan muzik Gamelan ini, semuanya hanya menggunakan kemahiran, kepakaran serta tenaga manusia semata-mata.

Menyingkap kembali sejarah, Gamelan telah menjadi sebahagian daripada elemen kesenian dan kebudayaan orang Melayu, namun sejarah telah membuktikan bahawa ia berasal dari Tanah Jawa dan tetap menjadi hak mutlak masyarakat mereka. Ini terbukti dengan pembuatan peralatan Gamelan ini yang masih kekal diusahakan di sana. Malah, perkataan Gamelan itu sendiri asalnya dari Bahasa Jawa iaitu “gamel” bererti sejenis alat pemukul. Jadi, “bergamel” membawa maksud memainkan sejenis alat muzik yang dipukul.

Muzik Gamelan dikatakan wujud semenjak Tahun Masihi 1 dengan alat gamelan yang pertama sekali dicipta ialah gong disusuli alat-alat lain yang dicipta mengikut peredaran zaman. Pada awal ketamadunan Melayu, gong merupakan alat yang penting dibunyikan sebagai tanda

sesuatu upacara bermula atau sesuatu peristiwa berlaku. Pada zaman Pemerintahan Kerajaan Demak di Jawa, gamelan digunakan untuk berdakwah oleh ahli sunan (kiai). Kini, Gamelan dikenali di seluruh dunia sebagai muzik etnik yang unik yang mempunyai keistimewaan serta kelasnya yang tersendiri.

Di Semenanjung Malaysia, kesenian Gamelan tidaklah dibawa terus dari Jawa dan bukanlah juga Gamelan Jawa. Ia sebenarnya adalah Gamelan Melayu yang pernah berkembang di Istana Kerajaan Sriwijaya dalam abad ke 7 hingga 13 Masihi. Di Tanah Melayu pula perkembangannya bermula dari Riau-Lingga kemudian melalui Johor, Pahang dan seterusnya ke Terengganu.

Perkahwinan antara kerabat-kerabat kesultanan terdahulu bertanggungjawab menubuhkan Gamelan sebagai kesenian Melayu yang penting. Pada tahun 1811, persandingan Tengku Hussain dan Tun Esah di Pahang telah membuka jalan kepada adaptasi dan



perkembangan Gamelan di negeri tersebut. Seterusnya pemerintahan Sultan Ahmad (1863-1914) menyaksikan Gamelan diberikan status yang lebih sempurna. Aktivis Gamelan pada masa itu dikelolakan oleh personaliti Istana termasuk isteri-isteri baginda sendiri iaitu Tengku Ampuan Fatimah dan Che Zubedah. Malangnya generasi pewaris baginda seterusnya tidak menunjukkan minat serta usaha untuk meneruskan inspirasi kesenian ini. Maka, terkuburlah seni Gamelan ini bersama-sama kemangkatan baginda Sultan Ahmad.

Sebaliknya Terengganu lebih bertuah kerana perkahwinan antara Tengku Ampuan Mariam (waris kepada Sultan Ahmad bersama Che Zubedah) dengan Tengku Sulaiman (anak Raja Terengganu) pada tahun 1913 telah menyelamatkan seni Gamelan ini dari pupus. Pertabalan baginda berdua sebagai Raja dan Permaisuri Terengganu pada tahun 1920 merupakan titik tolak kepada perkembangan dan kegemilangan seni Gamelan sehingga mampu melahirkan tradisinya yang tersendiri di Istana Terengganu. Semenjak itu, muzik gamelan berkumandang di Istana Terengganu dan telah menjadi penyeri majlis-majlis, pesta keraian dan perayaan Diraja seperti majlis pertabalan,

ulangtahun keputeraan serta upacara berkhatan dan bertindik.

Kesenian gamelan Terengganu telah berjaya melepasi gerbang Istana untuk dipertontonkan kepada umum pada tahun 1969 atas daya usaha seorang jurnalis serta budayawan ternama iaitu Tan Sri Mubin Sheppard. Sejak dari itu, persembahan kesenian Gamelan ini telah distatiskan sebagai salah satu koleksi warisan budaya negara yang seharusnya dipelihara. Kerajaan negeri Terengganu melalui Pejabat Pelancongan Negeri, Lembaga Muzium Negeri serta Kumpulan SUKTRA telah mengadakan pelbagai usaha dalam memastikan kesenian Gamelan ini dapat diwariskan kepada generasi akan datang.

UMT juga telah mengambil inisiatif dalam memelihara kesenian ini dengan menjadikannya sebagai salah satu kursus kokurikulum berkredit serta mewujudkan kumpulan/kelab Gamelan dalam kalangan staf dan pelajar. Pusat Kebudayaan dan Kesenian, telah pun memiliki dua set peralatan muzik Gamelan yang ditempah khas daripada Solo, Indonesia dan ianya diperbuat daripada 'perunggu' iaitu campuran tembaga merah dengan timah putih mengikut nisbah tertentu.

# *InTernary* Percepat Kelayakan Profesional ACCA

oleh: Dr. Farizah Sulong dan Profesor Madya Dr. Hafiza Aishah Hashim  
Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim



*Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Prof. Dr Noor Azizi Ismail dan Ketua Eksekutif ACCA Helen Brand menyempurnakan pelancaran.*



Dua universiti perintis, Universiti Malaysia Terengganu dan Universiti Teknologi MARA beserta lapan majikan yang komited untuk menyokong program InTernary termasuk KPMG, Ernst & Young (EY), PricewaterhouseCoopers (PwC), Deloitte, Baker Tilly Monteiro Heng, Grant Thornton Malaysia, Maybank dan Paramount Corporation Berhad.

**P**elajar Sarjana Muda Perakaunan UMT kini mempunyai pilihan tambahan melalui program 2u2i, kali ini melalui mod 3u1i yang dinamakan *InTernary*, hasil daripada kerjasama strategik di antara UMT dan badan profesional perakaunan bertaraf antarabangsa, ACCA (*Association of Chartered Certified Accountants*). Melalui *InTernary*, pelajar berpeluang menimba pengalaman persekitaran kerja sebenar bertempat di industri selama setahun, sekali gus mempercepatkan pengiktirafan kelayakan profesional mereka dengan ACCA.

Berpayungkan program 2u2i, pelaksanaan *InTernary* ini juga selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan jaringan universiti-industri dengan mod pengajian tiga tahun di kampus dan satu tahun di industri.

Jalinan kerjasama ini juga adalah kesinambungan hasil kerjasama UMT dengan ACCA sejak setahun yang lalu di bawah program *ACCA Accelerate* yang membolehkan pelajar mendaftar dan menduduki peperiksaan profesional ACCA sebelum bergraduat. Para pelajar yang dipilih bagi mengikuti program *InTernary* bakal menggabungkan kelebihan yang

mereka perolehi daripada *ACCA Accelerate* dengan manfaat berganda daripada sangkutan industri selama satu tahun.

Lebih menarik, penempatan mereka di industri ialah di firma-firma perakaunan terkemuka dan juga syarikat yang telah diiktiraf sebagai *ACCA Approved Employers*.

Tempoh setahun pelajar di firma-firma tersebut boleh dikira sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat kelayakan profesional ACCA. Melalui pemantauan berterusan daripada pihak industri, pelajar Sarjana Muda Perakaunan UMT akan lebih berdaya saing dan lebih bersedia memasuki alam pekerjaan kerana sudah memperoleh pengalaman sebenar di industri.

Pada akhirnya, melalui program *InTernary* ini, para pelajar yang terpilih mempunyai peluang yang amat cerah untuk mencapai tiga matlamat sekaligus – Sarjana Muda Perakaunan daripada UMT, lulus peperiksaan ACCA, serta memenuhi sepertiga syarat pengalaman kerja bagi kelayakan profesional ACCA.

# UMT Peroleh Pengiktirafan ISO 9001:2015

oleh: Pusat Perancangan, Pembangunan dan Kualiti Akademik



*Naib Canselor menerima Sijil ISO 9001:2015 daripada wakil SIRIM, En Tajul Arif Ariffin.*

UMT telah mengambil langkah untuk menuju ke arah satu pensijilan secara keseluruhan yang merangkumi skop 'Perkhidmatan Pendidikan di peringkat Diploma dan Ijazah' dalam usaha untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan pembelajaran dan pengajaran UMT kepada pelajar.

Penganugerahan Sijil MS ISO 9001:2015 merupakan satu pengiktirafan tinggi kepada UMT dalam membuktikan keupayaan dalam menyediakan perkhidmatan pendidikan terunggul yang dapat memenuhi keperluan dan meningkatkan keyakinan pelanggan dan pihak berkepentingan.

Bahagian Penjaminan Kualiti, Pusat Perancangan, Pembangunan dan Kualiti Akademik (PPPKA) selaku urus setia penggerak Pensijilan telah dipimpin oleh Prof. Ir. Dr. Noor Azuan Abu Osman, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dalam memastikan pensijilan ISO ini dapat dicapai dalam jangka masa yang ditetapkan.

Pemantapan struktur jawatankuasa dan hala tuju ISO telah direalisasikan dengan penubuhan Jawatankuasa Penjaminan Kualiti peringkat PTJ, Jawatankuasa Penjaminan Kualiti UMT dan seterusnya Jawatankuasa Kualiti UMT yang dipengerusikan sendiri oleh Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar.

Hala tuju ISO UMT telah diperkemas iaitu pensijilan kali ini adalah sejajar dengan matlamat fasa satu yang akan diperluaskan kepada skop yang lebih menyeluruh dalam fasa dua kelak. Fasa dua akan menjuruskan kepada 8 Proses Teras UMT merangkumi Pembelajaran dan Pengajaran; Penyelidikan dan Inovasi; Hal Ehwal pelajar dan Alumni; Hal Ehwal Korporat dan Jaringan Industri; Sumber Manusia; Kewangan; Infrastruktur; Perpustakaan.

Ternyata, usaha untuk mendapatkan pensijilan ISO ini yang telah melalui beberapa siri bengkel secara komprehensif, Klinik ISO dan Program MESRA ISO@ PTJ telah berjaya membuahkan hasil apabila UMT secara rasminya dianugerahkan Sijil MS ISO 9001:2015 bagi tempoh tiga tahun mulai 17 Ogos 2018.



# UMT Raih Anugerah e-Pembelajaran Negara

oleh: Prof. Madya Ts. Dr. Noraida Haji Ali  
Pusat Perancangan, Pembangunan dan Kualiti Akademik



UMT telah berjaya merangkul Anugerah e-Pembelajaran Negara (IUCEL 2018) bagi kategori Massive Open Online Course (MOOC) sempena Karnival e-Pembelajaran Universiti peringkat antarabangsa, yang telah diadakan pada 12 dan 13 September 2018 di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

UMTMOOC mempertaruhkan produk Sea Turtle Biology and Conservation bagi pencalonan Anugerah MOOC terbaik selain turut meraih dua pingat gangsa dalam pembentangan poster *Innovation, Invention and Design in e-Learning* (IIDEL).

IUCEL 2018 telah dirasmikan oleh Rektor UIAM, Profesor Tan Sri Dato Dzulkifli Abdul Razak. Dalam masa yang sama, turut dirasmikan buku terbitan Kementerian Pendidikan Malaysia dan MEIPTA iaitu Amalan Kualiti MOOC Malaysia dan Platform *mymooc.my*, sebagai platform rasmi bagi semua kursus di bawah platform MOOC Malaysia.

Karnival e-Pembelajaran ini merupakan acara tahunan yang bermula dengan penganjuran NUCEL (*National University Carnival on e-Learning*) pada tahun 2014 sebagai menyokong salah satu dari *Big Idea* bagi memperkasa kualiti pengajian tinggi iaitu *Globalized Online Learning* (GOL). Ia dinaiktaraf ke peringkat antarabangsa pada tahun 2016 dan dikenali sebagai IUCEL (*International University Carnival on e-Learning*). Karnival ini merangkumi empat aktiviti utama iaitu, pameran, ucap-tama dan forum, pertandingan dan anugerah.

Untuk rekod, UMT pernah merangkul Anugerah e-Pembelajaran Negara bagi kategori Massive Open Online Course(MOOC) Terbaik pada NUCEL 2015 di peringkat nasional dan Sistem Pengurusan e-Pembelajaran terbaik pada IUCEL 2017 di peringkat antarabangsa.



# MyStats Day 2018

## Tingkat Kesedaran Kepentingan Data

oleh: Mohd Izham Mohd A Wahid,  
Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan

**M**enyedari kepentingan kaedah pengumpulan data dan ketepatan maklumat penduduk negara ini dalam menyediakan perancangan dasar dan membuat keputusan, Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan (PPIMG) UMT dan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah bekerjasama menganjurkan Bicara Statistik “*Better Data Better Lives*” pada 15 Oktober 2018 bersempena dengan sambutan Hari Statistik Negara (*MyStats Day*) yang disambut pada 20 Oktober setiap tahun.

UMT telah dipilih untuk menjadi tuan rumah bagi sambutan peringkat zon pantai timur yang melibatkan Terengganu, Pahang dan Kelantan.



Bicara Statistik berjaya menarik penyertaan 700 orang daripada pelbagai agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, serta institusi pengajian tinggi. Manakala penglibatan daripada pelajar UMT pula daripada program pengajian Sarjana Muda Sains (Matematik Kewangan), Sarjana Muda Sains (Matematik Komputasi) dan Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam).

*MyStats Day* berperanan untuk meningkatkan kepentingan statistik sebagai asas kelestarian kehidupan bermasyarakat dan negara dalam meningkatkan kesedaran serta kefahaman komuniti tentang kepentingan statistik kepada negara. Program ini juga mampu

memperkuhkan lagi kerjasama antara DOSM, Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan pihak berkepentingan.

DOSM Negeri Terengganu dan PPIMG juga telah bersetuju untuk memulakan kerja sama strategik untuk tempoh jangka panjang dengan menandatangani surat niat yang disaksikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Ir. Dr. Noor Azuan Abu Osman semasa majlis perasmian penutup. UMT diwakili oleh Dekan PPIMG, Prof. Ts. Dato' Dr. Aziz Deraman, manakala DOSM diwakili oleh Pengarah DOSM Negeri Terengganu, Encik Sharuddin Shafie.

# Fiesta STEM dan Penganugerahan Watikah **Profesor@School Chapter UMT**

oleh:  
Dr. Laili Che Rose dan Liyana Khalilah Abdul Latif  
Pusat Asasi STEM

**B**uat julung kalinya semenjak pengambilan sulung Pelajar Perintis Asasi STEM, Fiesta STEM telah diadakan pada 23 September 2018 serentak dengan majlis Penganugerahan Watikah Profesor@School Chapter UMT.

Program ini melibatkan penyertaan 60 orang pelajar Perintis Asasi STEM dan 500 orang pelajar dari beberapa buah sekolah angkat STEM UMT dan Profesor@School dalam kalangan Majlis Profesor Universiti (MPU) Chapter UMT. Semenjak perasmian program Mentor Mentee STEM UMT pada 2017, sehingga kini UMT telah mempunyai 20 buah sekolah angkat STEM UMT.

Selain memberi pendedahan kepada pelajar sekolah kepada bidang STEM, program ini bertujuan menganugerahkan Watikah Profesor@School Chapter UMT kepada 10 buah Sekolah Angkat STEM UMT 2017 yang terdiri daripada SMK Kompleks Gong Badak, SMK Batu Rakit, SMK Padang Kemunting, SMK Kompleks Mengabang Telipot, SMK Panji Alam, SMK Lembah Bidong, SMK Tengku Mahmud 2, MRSM Besut, SMK Dato Haji Mohd Said dan SMK Tok Dor. Manakala 10 buah lagi Sekolah Angkat STEM UMT 2018 bakal diwatikahkan dalam majlis

yang bakal dilaksanakan pada tahun hadapan iaitu SMK Pengkalan Berangan, SMK Tun Telanai, SMK Rusila, SMK Bukit Diman, SMK Jenagor, SM Agama Mahmudiah, SMK Kompleks Seberang Takir, SMK Putera jaya, SMK Langkap dan SK Kampong Raja.

Program ini telah dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Profesor Negara (MPN) Profesor Datuk Dr. Raduan Hj. Che Rose. Turut hadir, Naib Canselor UMT, Prof Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar.

Selain diisi dengan acara dewan, Fiesta STEM dan Penganugerahan Watikah Profesor@School Chapter UMT ini menyediakan pelbagai reruai pameran daripada STEM *Partners*, penyelidikan UMT, agensi luar, pempamer dan pameran Schoolwide Enrichment Model (SEM) untuk dilawati oleh para pengunjung.

Pengunjung berpeluang bertemu mesra dengan figura hebat dalam bidang akademik melalui sesi perkongsian ilmu bersama Profesor Fizik dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Zainal Abidin Talib. Pengunjung turut diberikan pencerahan tentang laluan kerjaya Graduan STEM yang disampaikan oleh Timbalan Pengerusi MPU Chapter Universiti Malaya.



Barisan Pengetua dan wakil Sekolah Angkat STEM UMT.



Para pengunjung tertarik kepada belangkas yang turut dipamerkan.



Pelajar Asasi STEM menunjukkan demonstrasi kajian kepada para pengunjung fiesta.



Forum Saintis Cilik mengisi slot acara Fiesta STEM UMT.



Profesor Datuk Dr. Raduan Hj. Che Rose merasmikan Fiesta STEM dan majlis Penganugerahan Watikah Profesor@School Chapter UMT.

# MoA Mantapkan Industri Akuakultur

oleh:  
Prof. Dr. Mhd Ikhwannuddin Abdullah dan Rohisyamuddin Othman  
Institut Akuakultur Tropika

Sektor perikanan dan akuakultur menjadi antara penyumbang utama sumber makanan selain peluang menjana ekonomi menerusi penawaran pekerjaan. Oleh kerana keterbatasan kaedah perikanan tangkap, industri akuakultur dilihat sebagai alternatif bagi memenuhi permintaan sumber perikanan.

Menyedari hakikat ini, pihak UMT melalui Institut Akuakultur Tropika (AKUATROP) telah menjalin kerjasama strategik dengan pihak industri bagi menyokong industri akuakultur melalui perkongsian pengetahuan serta pemindahan teknologi melalui penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran.

Pada 9 Oktober 2018, UMT sekali lagi telah mengorak langkah ke hadapan dengan menandatangani memorandum perjanjian (MoA) dengan pihak industri. MoA ini melibatkan perjanjian antara AKUATROP dengan dua buah syarikat berkaitan akuakultur iaitu Rentas Saga Sdn. Bhd. dan Era Flow (M) Sdn. Bhd.

Pemeteraian perjanjian ini disempurnakan oleh Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar bersama Ketua Pegawai Eksekutif Rentas Saga Sdn. Bhd. dan Era Flow (M) Sdn Bhd) dengan disaksikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMT, Tan Sri Dato' Seri Halim Mohammad dan Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan Rentas Saga, Syed Omar Syed Jaafar.

Kerjasama ini bakal membantu usaha AKUATROP untuk mendapatkan penarafan HICoE, meningkatkan imej AKUATROP sebagai pusat rujukan akuakultur serantau dan meningkat penarafan MyRA UMT. Selain itu, penerbitan bersama pihak industri, perolehan geran penyelidikan, perkongsian fasiliti dan mengadakan latihan sangkut kepada kakitangan di industri juga antara intipati perjanjian yang ditandatangani.



*Penyerahan replika cek oleh En. Abdul Hafiz Bin Abdullah (CEO, Rentas Saga Sdn. Bhd dan Era Flow (M) Sdn. Bhd) kepada Naib Canselor sebagai simbolik penyerahan dana penyelidikan kepada UMT.*

Melalui kerjasama ini, pihak AKUATROP melalui ketua penyelidikannya Dr. Nor Azman Kasan akan menjalankan projek penyelidikan berkaitan aplikasi teknologi Biofloc dalam ternakan udang laut bersama dengan syarikat Rentas Saga Sdn. Bhd. Melalui projek ini, pihak syarikat memberi dana penyelidikan sebanyak RM 211,000 untuk tempoh tiga tahun. Sementara syarikat Era Flow (M) Sdn. Bhd. yang merupakan anak syarikat Rentas Saga Sdn. Bhd akan menjalankan kerjasama penyelidikan berkaitan pembangunan induk udang laut berkualiti dengan pihak AKUATROP yang diketuai oleh Dr. Li Lian Wong. Kajian ini bakal dilaksanakan dalam tempoh tujuh tahun dengan pembiayaan sebanyak RM 682,745.00.

Pada majlis ini juga, pihak AKUATROP telah menerima dana penyelidikan swasta daripada syarikat Betsol Sdn. Bhd sebanyak RM 120,000.00 untuk menjalankan kajian berkaitan dengan pembangunan formulasi makanan akuatik berasaskan kepada protein serangga untuk tempoh dua tahun yang diketuai oleh Dr. Liew Hon Jung.

# RRC Sertai Malaysia Museology Workshop

oleh:  
Dr. Izwandy Idris  
Pusat Rujukan dan Repositori laut China Selatan, Institut Oseanografi

Pusat Rujukan dan Repositori laut China Selatan (RRC), Institut Oseanografi telah menyertai bengkel 'Malaysia Museology Workshop' yang diadakan pada 3 September hingga 6 September 2018 di Jabatan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur. Program yang diwakili oleh Dr. Izwandy Idris (Ketua RRC) dan Puan Noratikah Ab. Manaf (Penolong Pegawai Sains RRC) telah dianjurkan oleh Universiti Malaya, Jabatan Muzium Malaysia dan Durham University, United Kingdom. Bengkel ini turut disertai oleh muzium negeri, agensi dan muzium-muzium universiti awam yang bernaung di bawah Jawatankuasa Muzium dan Galeri Universiti Awam Malaysia (MYMuse).

'Malaysia Museology Workshop' ini secara umumnya bertujuan untuk memberi pendedahan asas dan lanjutan mengenai fungsi, perjalanan dan peranan sebuah muzium dan galeri sama ada sebagai sebuah entiti umum atau khusus. Penceramah dan fasilitator yang dijemput adalah dari Oriental Museum, Durham University, dan Faith Museum, Edinburgh. Pembentangan yang diberikan banyak menggunakan contoh-contoh muzium dan galeri dari United Kingdom serta kolaborasi yang dijalankan dengan muzium lain di seluruh dunia.

Banyak perkara yang telah dipelajari melalui bengkel ini yang dapat dipraktikkan di Galeri Penyelidikan INOS antaranya bentuk promosi, penentuan jenis pameran dan kaji selidik pengunjung. Selain itu, kehadiran ramai wakil-wakil muzium dan galeri tempatan membolehkan perkongsian ilmu dan pengalaman dijalankan bersama-sama dengan penceramah dan fasilitator.



Wakil dari Pusat Rujukan dan Repositori Laut China Selatan bersama dengan penceramah dan Fasilitator. Dari kiri Dr. Izwandy, Lauren Barnes (Faith Museum), Dr Mark Woolmer (Durham University), Gillian Ramsay (Oriental Museum, Durham University), Rachel Barclay (Oriental Museum, Durham University) dan Puan Noratikah Ab. Manaf.



Sesi pembentangan hasil latihan dalam kumpulan.

Penyertaan RRC dalam bengkel ini juga dapat mempertingkatkan lagi hubungan dan kerjasama dengan muzium dan galeri universiti awam Malaysia dan mempromosikan RRC sebagai tempat rujukan dan repositori sampel marin utama di Malaysia.

# Pemindahan Ilmu

## Bantu Jana Pendapatan Petani

oleh:  
Dr. Wan Zaliha Wan Sembok  
Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan

**B**agi menjana pendapatan sampingan buat para petani dan pelajar, aktiviti kemasyarakatan dan keusahawanan pembuatan baja biowalit dan biochar telah dilaksanakan di Mini RTC Kg Pela, Ajil, Terengganu. Penggunaan baja biowalit dalam pertanian mampu meningkatkan hasil tuaian 20 peratus dan mengurangkan 50 peratus kos operasi.

Dalam aktiviti kemasyarakatan ini, para pelajar dan petani telah berganding bahu menghasilkan biochar dalam kuantiti yang banyak dengan menggunakan pelbagai sumber sisa

pertanian iaitu tahi burung walit, tahi ayam, tahi lembu, hampas tebu, hampas kelapa dan habuk kayu.

Program yang dilaksanakan pada 19 Oktober 2018 ini melibatkan seramai 16 orang pelajar Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Teknologi Lepas Tuai), Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan (PPSTM). Program ini juga merupakan kesinambungan daripada program pemindahan ilmu Kursus Pembuatan Baja Biowalit dan Biochar yang telah dijalankan pada 2 Ogos 2018 lalu yang telah disampaikan oleh ketua projek, Dr Wan Zaliha Wan Sembok.



*Peserta sedang membakar bahan buangan pertanian untuk dijadikan arang hitam atau biochar menggunakan alat yang telah diubahsuai.*



“Pasaran bagi biobaja iaitu biowalit mempunyai potensi besar untuk dimajukan. Ini kerana terdapat bekalan sisa buangan burung walit yang mudah didapati di Terengganu dan ini mampu menjamin keberkekalan projek ini”, ujar Dr. Wan Zaliha.

Beliau menambah permintaan terhadap baja organik adalah tinggi oleh kerana kandungan mineral nutrien dalam bahan buangan burung walit itu sendiri bermanfaat pada tanaman. Kandungan nutrien yang tinggi dalam sisa buangan burung walit mampu bersaing dengan lain-lain produk biobaja.

“Biochar pula adalah pembakaran sisa pertanian, penternakan dan perikanan secara tidak lengkap, lalu menghasilkan arang hitam

yang mampu memegang nutrien dan air sekaligus memberi kebaikan kepada tumbesaran tanaman. Di samping itu, ianya juga membantu mengitar semula bahan atau sisa pertanian yang menyumbang kepada kelestarian alam sekitar”, ujar beliau lagi.


Semasa aktiviti kemasyarakatan ini, para pelajar bersama petani turut menjalankan aktiviti pembersihan kawasan tanaman timun batang, peletakan baja biowalit dan biochar sebanyak 1200 polibeg serta menjalankan aktiviti pembiakan mikoriza. Aktiviti kemasyarakatan dan keusahawanan ini mendapat pembiayaan di bawah UCTC, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui bantuan Pusat Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri, UMT dan turut disokong oleh Jabatan Pertanian Negeri Terengganu.



Tempurung kelapa dan tahi burung walit sebelum dan selepas dibakar.



Aktiviti meletak biowalit dan biochar ke dalam polibeg.



Aktiviti membiakkan mikrob berguna, mikoriza spesies glomus.

# Ekspedisi Merdeka RV Discovery Jelajah Selatan Laut China Selatan

oleh:  
Dr. Nursalwa Baharuddin  
Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran

**S**epasukan ahli penyelidik dari Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran (PPSMS) yang diketuai oleh Dr. Md Suffian bin Idris (penyelidik oseanografi) buat julung kalinya telah mengadakan pelayaran saintifik oseanografi di Selatan Laut China Selatan pada 27 hingga 30 Ogos 2018.

Pelayaran saintifik bersempena hari Merdeka ini juga turut disertai oleh Dr. Nursalwa Baharuddin (penyelidik malakologi), Dr. Nurul Shahida Redzuan (penyelidik fikologi) dan enam orang pelajar pasca siswazah PPSMS.

Ekspedisi penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji aspek fizikal oseanografi dan perkaitannya dengan organisma benthik terutamanya moluska, krustasea, polychaeta, diatom dan zooplankton.

Oleh kerana penerbitan ilmiah terutamanya mengenai organisma benthik di perairan Laut

China Selatan masih kurang, menerusi ekspedisi ini diharapkan dapat mengemaskini maklumat mengenai organisma tersebut.

Pelayaran ini membabitkan keseluruhan 17 stesen sepanjang 123.5 kilometer ke arah selatan dengan kedalaman minimum 18 meter dan maksimum 70 meter. Pemilihan stesen ini adalah berdasarkan zon klorofil yang tinggi, sederhana dan rendah yang merupakan indikasi produktiviti laut hasil dapatan dari kajian terdahulu oleh Profesor Madya Dr. Mohd Fadzil Mohd Akhir (penyelidik Institut Oseanografi dan Persekitaran).

Selain itu juga, ekspedisi ini turut memberi peluang kepada ahli penyelidik muda menjalankan penyelidikan terutamanya menggunakan aset utama UMT, RV Discovery. Hasil kajian daripada pelayaran ini bakal diterjemahkan melalui penerbitan ilmiah dan katalog yang sedang dirangka.



Penyelidik organisma benthik yang terlibat diketuai oleh Dr. Nursalwa Baharuddin (dua dari kiri) serta Dr. Nurul Shahida Redzuan (pertama dari kiri) serta pelajar siswazah dan pegawai RV Discovery, En. Subarjo Merehejono (dua dari kanan).



Pelajar-pelajar siswazah yang sedang menapis dan mengasingkan organisma benthik yang terdapat di sampel tanah mengikut pengelasan taksonomi.

# Pelajar Asasi STEM Menonjol di Bangkok

oleh:  
Dr Laili Hj Che Rose  
Cik Wan Syahidah Hana Wan Ab Hafiz  
Pusat Asasi STEM



Empat orang pelajar Asasi STEM telah dipilih untuk mewakili Malaysia menyertai 15<sup>th</sup> Asia Pacific Conference on Giftedness Youth Camp (APCG 2018). Berlangsung pada 20 hingga 24 Ogos 2018, program ini telah dianjurkan oleh National Science and Technology Development Agency (NSTDA) dan diadakan di Thailand Science Park, Bangkok.

Dengan membawa tema "*Inspiration, Motivation and Creativity: Leading the Way to Giftedness*" program tersebut telah direka khas dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan Sains dan Teknologi, mencungkil bakat pelajar dalam bidang seni, dan menanam semangat dalam kalangan pelajar dalam bidang STEM. APCG 2018 disertai oleh lebih 200 pelajar dari negara-negara ASEAN.

Muhammad Alif, Muhammad Nurthaqif, Nik Nur Syamimi dan Wan Syahidah Hana menjadi wakil UMT diketuai oleh Dr. Laili Haji Che

Rose selaku ketua delegasi. Sepanjang lima hari itu, pelbagai aktiviti yang telah dirancang oleh penganjur untuk pelajar-pelajar menunjukkan bakat serta berkongsi ilmu antara satu sama lain. Malah peserta juga dapat menunjukkan bakat dalam bidang STEM mahupun kesenian.

Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan di sana telah banyak mencungkil kepimpinan serta kehebatan para pelajar yang mewakili Malaysia. Ini terbukti apabila pelajar Asasi STEM telah terpilih untuk mengetuai kumpulan masing-masing dalam acara *Creative Gym*. Pelajar Asasi STEM UMT telah menunjukkan nilai kepimpinan yang tinggi semasa berkolaborasi dengan pelajar dari negara-negara lain.

Selain itu, salah seorang peserta dari Asasi STEM iaitu Mohammad Nurthaqif telah berjaya memperolehi pengiktirafan sebagai ahli kumpulan terbaik (Pertandingan Protaip) semasa aktiviti tersebut dijalankan. Sekali gus telah menaikkan nama Malaysia di mata belia negara-negara luar.

# Nilai Komersial Vanila Diteroka

oleh: Dr. Nurul Aliaa Idris dan Dr. Nabilah Ismail  
Pusat Pengajian Sains Asas



Vanila merupakan bahan perisa makanan yang digunakan secara meluas dalam penghasilan produk makanan seperti aiskrim, pastri, minuman dan sebagainya. Namun begitu, tidak ramai yang tahu bahawa vanilla ini sebenarnya terhasil dari 'buah' sejenis pokok orkid epifit iaitu *Vanilla planifolia* var. *Andrews*.

Turut dikenali sebagai 'emas hijau', vanilla bergred tinggi boleh mencecah harga sehingga RM1800 sekilogram. Spesies bernilai komersial tinggi ini berasal dari Mexico dan Amerika Selatan, iaitu negara beriklim tropika, tetapi pengeluarannya kini didominasi oleh Madagascar dan Indonesia.

Pada 1 September 2018, tiga penyelidik serta 12 pelajar tahun tiga Sarjana Muda Sains (Sains Biologi) dan Sarjana Muda Sains (Sains Kimia) dari Pusat Pengajian Sains Asas, telah berpeluang untuk melawat ladang Vanilla Temerloh yang terletak di Kg. Bangau Parit, Temerloh, Pahang.

Vanilla Temerloh yang diusahakan oleh Encik Mohd Feisal Mohd merupakan antara pelopor



penanaman orkid vanilla di Malaysia. Dalam lawatan ini beliau turut mengajar cara penanaman dan penjagaan orkid vanilla termasuk teknik penghasilan produk vanilla yang berkualiti.

Kunjungan sulung PPSA ke ladang Vanilla Temerloh bakal menjadi momentum untuk kajian lanjut berkaitan propagasi dan pembiakan orkid vanilla serta pembangunan teknologi lepas tuai yang efektif.

# Kelab IMaC Santuni Masyarakat Islam Kemboja

oleh: Mohd Zulkifli Abdul Aziz  
Pusat Pembangunan Holistik dan Kaunseling Pelajar

**K**ehidupan masyarakat Islam Kemboja di luar bandar serba serbi daif dan ketinggalan dari aspek pendidikan, kesihatan dan sosio ekonomi.

Atas semangat kesukarelawanan dan keprihatinan, Kelab Pengurusan Acara UMT atau lebih dikenali sebagai IMaC telah melaksanakan Misi Kemanusiaan Korban Kemboja di Wilayah Chnang. Misi ini diadakan dengan kerjasama Angkatan Sukarelawan Asas Sejahtera (ASAS) dan Universiti Sains Islam Malaysia.

Misi yang diadakan pada 20 hingga 25 Ogos 2018 ini membabitkan seramai 12 orang ahli Kelab IMaC. Misi kali ini merupakan kesinambungan program pengantarabangsaan Kelab IMaC yang telah diadakan pada tahun 2017 di Kemboja.

Program ini juga bertujuan untuk membentuk jati diri dan sahsiah seorang pelajar bagi melahirkan pemimpin minda kelas pertama di samping mengajar erti kehidupan sebenar di luar zon keselesaan. Misi ini juga seiring dengan penubuhan Kelab IMaC iaitu melatih ahli-ahli menguruskan program di peringkat antarabangsa.

Wilayah Chnang yang terletak lebih kurang 70 kilometer dari Phnom Penh disantuni dengan pelbagai aktiviti yang mendapat sambutan penduduk kampung khususnya kanak-kanak seperti wayang pacak, sukaneka dan kursus penyembelihan.

Kemuncak misi kemanusiaan ini adalah ibadah korban yang dilaksanakan usai solat sunat Aidil Adha. Sebanyak 95 ekor lembu dan 10 ekor kambing telah dikorbankan hasil sumbangan rakyat Malaysia yang prihatin.





# Warisan Kebudayaan Terengganu Tarikan Buat Mahasiswa Indonesia

oleh: Mohd Izham Mohd A. Wahid  
Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan

**P**erbezaan budaya dan kepelbagaian warisan kreatif masyarakat Terengganu berjaya menarik mahasiswa dari Indonesia untuk menyertai *Summer School: Digitalized Heritage and Culture* anjuran Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan (PPIMG). Seramai 16 orang peserta telah menyertai kursus ini terdiri daripada mahasiswa Bogor Agricultural University (IPB), Universitas Indonesia (UI), SMAIT Abu Bakar Yogyakarta dan UMT.

Berlangsung pada 4 hingga 16 Ogos 2018 di kampus UMT dan sekitar bandar Kuala Terengganu, kursus ini memperkenalkan

penggunaan teknologi maklumat dengan penggunaan konsep matematik sebagai pendekatan bagi memahami warisan dan budaya setempat serta kehidupan dan alam semula jadi dengan lebih baik. Ia menggabungkan konsep matematik dan teknologi maklumat yang dipelajari dalam bilik kuliah dengan fokus kepada budaya dan warisan di Malaysia, khususnya di Terengganu.

Kandungan kursus mengandungi pengajaran di bilik kuliah dan sebahagian lagi lawatan tapak bagi membolehkan peserta membuat liputan dalam menyediakan tugasan. Peserta dibawa



ke lokasi pembuatan produk pelancongan dan kebudayaan tempatan untuk melihat sendiri keaslian proses dan produk yang dihasilkan. Mereka turut sama merasai dan menghayati keunikan aspek kebudayaan tempatan di setiap lokasi yang dilawati.

Menurut Vito Rizki Imanda, mahasiswa IPB yang pertama kali datang ke Terengganu, berpendapat bahawa tarikan kursus ini ialah peluang untuk beliau mempelajari perbezaan budaya dan bahasa antara Indonesia dan Malaysia, khususnya masyarakat Terengganu, di samping menambahkan lagi kemahiran dalam

aplikasi persembahan bahan digital. Para peserta didedahkan dengan konsep penghasilan video menerusi teknik rangkaian cerita (*Storyboard*) menggunakan teknologi multimedia serta realiti berperanta (*Augmented Reality*).

Majlis Penutup dan penyampaian sijil penyertaan kepada semua peserta disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Ir. Dr. Noor Azuan Abu Osman. Turut hadir dalam majlis tersebut, Dekan PPIMG, Prof. Ts. Dato' Dr. Aziz Deraman dan Pengarah Pusat Antarabangsa, Dr. Ahmad Faisal Mohamad Ayob.

# Summer Course

## Pertingkat Ilmu Pertanian dan Pemakanan

oleh:  
Dr. Ramisah Mohd. Shah dan Dr. Faridah Yahya  
Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan

Sejumlah sepuluh orang pelajar dari Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan (PPSTM), telah diberi peluang bagi menjalani dua Program *Summer Course* ber kredit di Institut Pertanian Bogor (IPB), Indonesia menerusi pembiayaan tabung Mobiliti Antarabangsa UMT.

Pada 12 hingga 21 Ogos 2018, program *Summer Course* yang bertemakan Teknologi Hijau untuk Kelestarian Pertanian Tropika telah disertai oleh enam orang pelajar tahun tiga, Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Sains Tanaman). Dianjurkan oleh Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Biosistem, Fakultas Kejuruteraan dan Teknologi Pertanian, IPB program ini disertai oleh 40 orang pelajar dari serata Asia.

Sepanjang program, peserta didedahkan dengan teori kelestarian pertanian serta penggunaan teknologi dalam penanaman tanaman utama di Indonesia iaitu kelapa sawit, koko dan kopi. Selain dari mengikuti sesi kuliah, lawatan teknikal ke industri pertanian tropika turut diadakan dengan peserta dibawa melawat ke ladang dan kilang kelapa sawit di PTPN 8 Chikasungka serta ladang koko, kopi dan getah di *Indonesian Industrial and Beverage Crops Research Institute*, Sukabumi dan Balittri.

Para peserta merasai sendiri pengalaman menggunakan dron di ladang kelapa sawit, menuai hasil koko dan kopi malah terlibat

dengan proses pembuatan coklat dari pelbagai varieti koko serta penilaian deria rasa kopi.

Lebih menarik, dalam aktiviti *agri-cultural* peserta dibawa ke perkampungan tradisi, Kampung Wisata Cinangneng. Di sini, peserta dapat berinteraksi dengan komuniti melalui pelbagai aktiviti pertanian dan tradisi seperti aktiviti penanaman padi, mempelajari muzik dan tarian serta penyediaan kuih muih tempatan.

Di akhir program, para peserta membenteng tugas dan hasil dapatan secara berkumpulan. Seorang pelajar UMT iaitu Noor Rashidah telah dianugerahkan sebagai salah seorang *The Most Wholehearted Participant* bersama dengan seorang peserta dari Jepun.


Pada 17 hingga 21 September 2018 pula, empat orang pelajar tahun empat Program Sarjana Muda Sains Makanan (Perkhidmatan Makanan dan Pemakanan) turut menjalani program *Summer Course* ber kredit berkaitan pengenalan kepada pemakanan komuniti di Indonesia yang memfokuskan kepada program anak dan ibu mengandung.

Program yang dianjurkan oleh Jabatan Pemakanan Komuniti dengan kerjasama Jabatan Keluarga dan Sains Pengguna, IPB ini turut disertai oleh pelajar-pelajar dari University of Niigata Prefecture, Jepun.





Peserta bersama-sama staf dan kanak-kanak di bawah jagaan Pusat Pendidikan Awal Kanak-Kanak di Makmal Sekolah, IPB.



Peserta mempelajari penggunaan dron di ladang kelapa sawit.



Peserta Summer Course Program mengabadikan kenangan di hadapan Indonesian Industrial and Beverage Crops Research Institute, Sukabumi.

Program ini dilaksanakan secara pembelajaran berasaskan kes yang meliputi pendekatan beberapa kaedah pengajaran dan pembelajaran seperti kuliah interaktif, sesi perbincangan, kerja lapangan, kerja berkumpulan dan pembentangan. Antara panel yang menyampaikan kuliah interaktif adalah Profesor Dr. Norimah Karim dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Dr. Nobuko Murayama dan Dr. Yui Kojima dari University of Niigata Prefecture, Jepun.

Lawatan ke Pusat Pendidikan Awal Kanak-kanak di Cipanas Cianjur dan Posyandu telah memberi peluang kepada peserta mendalami program integrasi bagi kesihatan ibu dan anak, pemakanan,

imunisasi dan pemantauan cirit-birit di peringkat kampung dilaksanakan. Peserta juga dibawa melawat ke Pusat Kesihatan Awam dan diberi penerangan mengenai status makanan, pemakanan dan kesihatan di Indonesia.

Antara tempat lain tumpuan lawatan oleh para peserta adalah Kilang Ajinomoto di daerah Karawang, Pusat Pendidikan Kanak-Kanak, Makmal Sekolah di Institut Pertanian Bogor serta Salam Rancage atau Sekolah Alam Terampil di mana barangan kraftangan yang diperbuat daripada surat khabar terpakai dipromosikan bagi membantu menaik taraf komuniti wanita daripada segi kewangan, sosial dan persekitaran yang lebih sihat.

# Jalinan Kasih Kayuhan Perpaduan Santuni Komuniti

oleh: Tengku Nuriah Tengku Abdul Rahman  
Kolej Siswa



**B**ersempena Hari Kemerdekaan yang disemarakkan pada 31 Ogos dan Hari Malaysia yang disambut pada 16 September 2018, Majlis Perwakilan Pelajar UMT dengan kerjasama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Terengganu mengambil inisiatif untuk menganjurkan Program Jalinan Kasih Kayuhan Perpaduan yang disertai oleh 200 orang peserta yang terdiri daripada pelajar, warga kakitangan UMT, wakil agensi kerajaan tempatan dan komuniti setempat yang berhampiran.

Program Jalinan kasih Kayuhan Perpaduan sejauh 14 kilometer tersebut turut mendapat

kerjasama daripada Kelab Gateh UMT dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Kayuhan bermula dari Kompleks Sukan Tengku Muhammad Ismail, UMT ke perkampungan sekitar Kuala Nerus seperti Kampung Pak Tuyu, Kampung Gong Pak Jin dan Kampung Gong Datuk.

Menurut Raziyaton Raghazli, Yang Dipertua MPP UMT berkata, antara objektif program adalah memperkasakan kesedaran tanggungjawab mahasiswa terhadap cakna komuniti setempat, mengeratkan hubungan warga UMT dengan masyarakat sekitar dan mendidik warga UMT tentang kepentingan menjaga ekosistem sekali



*Peserta kayuhan turut menyumbang tenaga melaksanakan aktiviti kemasyarakatan.*

gus mendukung aspirasi *Blueprint* Kampus Lestari UMT.

‘Di antara aktiviti yang dilaksanakan adalah menjalankan aktiviti kemasyarakatan iaitu gotong-royong membersihkan kawasan perkuburan dan surau, mengagihkan sumbangan berupa makanan dan keperluan harian termasuklah beras, tepung dan sabun. Barang-barang tersebut telah diagihkan kepada keluarga miskin yang terpilih dan telah dikenal pasti oleh Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK),’ ujar Razyiaton.

Salah seorang peserta yang terpilih, Mazlan Muda yang merupakan orang kurang upaya (OKU), bantuan tersebut dapat membantu meringankan bebanan keluarga. Beliau yang tinggal bersama adik yang sakit turut terharu dengan kunjungan dan berterima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program tersebut. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Profesor Ts. Dr. Che Mohd Ruzaidi Ghazali, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), UMT.

# Perancis Destinasi Program Mobiliti Akademik

oleh :  
Sh.Muzdalifah Syed Ahmad  
Rosyati Abdul Rashid  
Pusat Pendidikan Asas dan Liberal



**B**agi menambah keberkesanan pembelajaran bahasa Perancis, seramai 15 orang pelajar telah berlepas ke Perancis untuk mengikuti Program Mobiliti Akademik di negara tersebut. Program yang diadakan pada 8 hingga 17 September 2018 ini bersifat *immersion*, di mana para pelajar ditempatkan di persekitaran sebenar bahasa yang dipertuturkan, *bain linguistique*, iaitu bahasa Perancis. Secara tidak langsung pelajar perlu menggunakan bahasa perancis untuk berkomunikasi.

Program bermula di Montpellier tempat di mana kursus diadakan dari 10 hingga 14 September. Selama lima hari di Montpellier, para pelajar telah melalui tiga fasa penting. Fasa pertama, sesi pagi, mereka melalui kursus bahasa Perancis di Accent Français, sebuah pusat pembelajaran bahasa Perancis yang terkenal, bersama-sama dengan pelajar-pelajar lain dari pelbagai pelusuk dunia. Kursus-kursus tersebut dikendalikan sepenuhnya oleh tenaga pengajar yang terdiri daripada penutur natif.

Fasa kedua, sesi sebelah petang di mana para pelajar didedahkan dengan pelbagai budaya dan tradisi masyarakat Perancis. Mereka diberi peluang untuk menjelajah bandar Montpellier, *une visite guidée*, serta mengenali sejarah bandar tersebut. Di samping itu, mereka juga berpeluang untuk bermain *petanque*, sejenis permainan tradisi masyarakat Perancis serta mengikuti kelas masakan yang dikendalikan oleh seorang chef terkenal di Perancis.

Para pelajar telah berpeluang mempelajari masakan tradisi Perancis iaitu *gratin de brocolis et courgettes au savoyard* dan *suprême de cabillaud au coulis de piquillos*. Semua pelajar sangat teruja dengan kelas masakan tersebut kerana mereka juga berpeluang untuk makan bersama-sama mengikut adat makan Perancis.

Selain itu, para pelajar juga telah menyertai lawatan *guidée* ke sebuah bandar lama di Montpellier – *Guilhem le Desert* yang terletak lebih kurang satu jam perjalanan dengan bas dari pusat bandar. Lawatan



tersebut telah ditaja oleh pihak kedutaan Perancis di Malaysia dan turut disertai oleh pelajar daripada pelbagai negara. Pada hari terakhir di Montpellier, para pelajar menghadiri sesi penganugerahan sijil kursus serta berpeluang menikmati makanan tempatan di sebelah petang.

Fasa ketiga, kehidupan bersama-sama dengan famille d'accueil iaitu keluarga angkat berbangsa Perancis. Sepanjang berada di Montpellier, para pelajar termasuk pensyarah pengiring telah menginap bersama-sama dengan famille d'accueil masing-masing. Dua orang pelajar untuk satu keluarga angkat. Bagi pelajar-pelajar muslim, mereka ditempatkan bersama-sama keluarga angkat muslim. Peluang tinggal bersama-sama dengan keluarga angkat berbangsa Perancis

membolehkan para peserta mempraktikkan bahasa yang dipelajari dengan penutur natif secara lebih berkesan. Selain dapat mengenali cara hidup masyarakat tempatan dengan lebih dekat.

Dari Montpellier, pada 15 September para pelajar telah bertolak dari *Gare de Montpellier Sud* ke *Gare de Lyon* di Paris dengan menaiki tren berkelajuan tinggi TGV (*train grand vitesse*). Keterujaan para pelajar sepanjang berada di Paris tidak dapat digambar dengan kata-kata. Ini kerana apa yang dipelajari, dilihat dan didengar di kelas semuanya berada di hadapan mata, *la Tour Eiffel*, *le Musée de Louvre*, *la Cathédrale de Notre-Dame*, *le Mont Marc*, *le Quartier Latin*, *La Champslysée*, *L'Arc de Triomphe* dan sebagainya. Semuanya menjadi *la réalité du rêve*.

1. Para pelajar dianugerahkan sijil sebaik selesai kursus di Montpellier.
2. Kelas masakan menu tradisi Perancis.
3. Peluang mencuba permainan tradisi Petanque.
4. Peluang tinggal bersama keluarga angkat berbangsa Perancis membantu para peserta mempraktikkan penguasaan bahasa.

# SUKUM 2018

## UMT Gergasi Berbisa

oleh: Muhammad Aiman Aziz  
Pusat Sukan dan Rekreasi



UMT berjaya menempatkan diri di kedudukan ketiga daripada 21 pasukan yang bertanding dalam Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Awam Malaysia (SUKUM) 2018. Pencapaian keseluruhan dengan 13 Emas, 8 Perak dan 2 Gangsa turut menepati sasaran kontinjen iaitu 13 emas.

SUKUM 2018 yang memasuki edisi ke-43 penganjuran telah diadakan pada 10 hingga 18 Ogos 2018. Kali ini, Universiti Malaysia Pahang selaku tuan rumah telah menyenaraikan 18 acara sukan dan kontinjen UMT menyertai 11 acara iaitu bola sepak senior dan veteran, berbasikal, bola jaring, bola tampar, memanah, memancing, tenis, boling padang dan golf.

Lokasi SUKUM 2018 berlangsung di UMP kampus Gambang dan Pekan serta kawasan sekitar. Kontinjen UMT gah mengekalkan kejayaan selaku kuasa besar dengan mendominasi acara boling padang, memanah, badminton dan tenis. Sejarah tercipta melalui acara bola jaring dan bola sepak senior di mana pasukan UMT berjaya melayakkan diri ke peringkat akhir.

Pasukan memanah UMT turut melakar kejutan pada hari terakhir kejohanan dengan merangkul 5 pingat emas sekali gus menjadi lubuk emas buat kontinjen UMT.



*Juara Keseluruhan bagi acara badminton, boling padang, memanah dan tenis*

# RENUNGAN

## Keperitan Yang Membahagiakan

Nabi SAW bersabda:

Maksudnya: Tiada satu pun yang menimpa seseorang muslim baik kepenatan, kesakitan, kerisauan tentang sesuatu perkara yang akan datang ataupun kesedihan, kesakitan dan kerisauan perkara yang lampau, walaupun duri yang mencucuknya, kecuali Allah akan hapuskan sebahagian dosa-dosanya dengan perkara-perkara tersebut.

(HR al-Bukhari)

Allah menimpakan sesuatu perkara kepada hamba-Nya bukanlah sekadar peringatan, bahkan ia adalah tanda Allah mengasihi hamba-Nya dan ingin melihat sejauh mana kesabaran kita dalam menghadapi ujian tersebut. Allah juga telah menyatakan pelbagai bentuk ujian dan keperitan hidup alam. Firman-Nya:

Demi sesungguhnya, kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut kepada musuh dan dengan merasai kelaparan, dan dengan berlakunya kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar, iaitu orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan mereka berkata, "sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali".

(al-Baqarah:155-156)

Allah memerintahkan kita untuk sentiasa menyedari semua nikmat yang dikurniakan Allah adalah hak milik mutlak Allah dan Allah berkuasa untuk memberi atau menarik kembali sesuatu nikmat tersebut. Kesabaran dan redha dengan ketentuan-Nya adalah tanda bahawa manusia itu betul-betul beriman kepada-Nya. Ganjaran kebahagiaan telah dirakamkan Allah dalam al-Quran bagi mereka yang bersabar dan redha dengan ujian-Nya.

"Mereka itu akan diberi balasan dengan tempat yang tinggi (dalam syurga) atas kesabaran mereka."

(al-Furqan:75)

oleh: Dr. Riswadi Azmi  
Pusat Islam Sultan Mahmud




**Pembuatan Keputusan Multikriterium Kabur dan Penggunaannya**

Pengarang:  
**Mohd Lazim Abdullah  
Zamali Tarmudi**

ISBN: 978-967-2200-14-7

Tahun: **2018**



**Introduction to Data Analysis for Maritime Using SPSS**

Pengarang:  
**Kasypi Mokhtar  
Wan Muhammad Amir W Ahmad  
Zailani Abdullah  
Mustafa Man**

ISBN: 978-967-2200-13-0

Tahun: **2018**



**Penggunaan Terapi Kognitif Tingkah Laku dalam Kaunseling Kelompok Remaja Delikuen**

Pengarang:  
**Siti Salina Abdullah  
Raba'aton Adawiah Mohd Yusof  
Ruhani Mat Min**

ISBN: 978-967-2200-17-8

Tahun: **2018**



**Female Workforce and Job Performance**

Pengarang:  
**Khatijah Omar  
Siti Nor Adawiyah Azzahra  
Kamaruddin**

ISBN: 978-967-2200-16-1

Tahun: **2018**




**Ekonomi Matematik Teori dan Aplikasi**

Pengarang:  
**Jaharudin Padli  
Alias Radam  
Haslina Musa**

ISBN: 978-967-2200-15-4

Tahun: **2018**




**Tamadun Islam & Tamadun Asia**

Penyunting:  
**Hailan Salamun  
Hamdan Aziz**

ISBN: 978-967-2200-24-6

Tahun: **2018**



**Writing Research Proposals in Education**

Pengarang:  
**Samsiah Abdul Hamid**

ISBN: 978-967-2134-85-5

Tahun: **2018**



**Falsafah dan Etika Penyelidikan Komunikasi**

Penyunting:  
**Maizatul Haizan Mahbob  
Mat Pauzi Abd Rahman**

ISBN: 978-967-2200-29-1

Tahun: **2018**